



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



TAHAP PENGETAHUAN GURU PENDIDIKAN MORAL
TERHADAP AKTIVITI LUAR BILIK DARJAH:
PERBANDINGAN ANTARA GURU OPSYEN DAN BUKAN
OPSYEN DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH KLANG

*KNOWLEDGE LEVELS OF MORAL EDUCATION TEACHERS REGARDING
OUTDOOR CLASSROOM ACTIVITIES: A COMPARATIVE STUDY OF OPTION
AND NON-OPTION TEACHERS IN SECONDARY SCHOOLS IN KLANG
DISTRICT*

Siva Sanggita A/P Munandy^{1*}, Marshelayanti Mohamad Razali²

¹ Jabatan Pengajian Moral, Sivik dan Pembangunan Karakter, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 39000 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Email: m20231000215@siswa.upsi.edu.my

² Jabatan Pengajian Moral, Sivik dan Pembangunan Karakter, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 39000 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Email: marshela@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.10.2024

Revised date: 16.11.2024

Accepted date: 11.08.2025

Published date: 17.09.2025

To cite this document:

Munandy, S. S., & Razali, M. M. (2025). Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Moral terhadap Aktiviti Luar Bilik Darjah: Perbandingan antara Guru Opsyen dan Bukan Opsyen di Sekolah Menengah Daerah Klang. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 661-674.

Abstrak:

Aktiviti Luar Bilik Darjah (ALBD) berfungsi sebagai suatu pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman yang dapat membantu murid memahami aspek kehidupan secara lebih menyeluruh dan mendalam. Dalam konteks pelaksanaan pembelajaran ini, peranan guru amat signifikan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti opsyen pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Moral di sekolah menengah, menilai tahap pengetahuan mereka terhadap ALBD, serta menganalisis perbezaan tahap pengetahuan ALBD berdasarkan opsyen pengajaran guru. Ini kerana terdapat guru Pendidikan Moral yang bukan opsyen mengajar di luar bidang, yang berkemungkinan menjejaskan keberkesanan pelaksanaan ALBD. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Instrumen kajian berupa soal selidik yang merangkumi dua bahagian utama, iaitu maklumat demografi responden dan tahap pengetahuan guru terhadap ALBD. Seramai 30 orang guru Pendidikan Moral dari sekolah menengah di sekitar daerah Klang, Selangor telah dipilih sebagai responden. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian SPSS. Dapatan kajian

DOI: 10.35631/IJEPC.1059048

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru terhadap ALBD adalah tinggi, dan terdapat perbezaan yang signifikan antara guru opsyen dan bukan opsyen dalam aspek pengetahuan mengenai ALBD. Justeru, kajian ini menekankan kepentingan penyediaan latihan serta bimbingan khusus kepada guru bukan opsyen bagi meningkatkan pengetahuan mereka. Guru opsyen Pendidikan Moral turut disarankan untuk memainkan peranan sebagai mentor dalam usaha membimbing guru bukan opsyen dan guru baharu, agar pelaksanaan pengajaran berasaskan ALBD dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Kata Kunci:

Aktiviti Luar Bilik Darjah, Pengetahuan ALBD, Pendidikan Moral, Guru Opsyen Dan Guru Bukan Opsyen.

Abstract:

Outdoor Classroom Activities (ALBD - *Aktiviti Luar Bilik Darjah*) serve as an experiential learning approach that facilitates a more comprehensive and in-depth understanding of life among students. In implementing this form of learning, the role of teachers is crucial. Therefore, this study aims to identify the teaching options among Moral Education teachers in secondary schools, examine their level of knowledge regarding ALBD, and analyse the differences in the level of ALBD knowledge based on teachers' teaching options. This is particularly relevant as some non-option Moral Education teachers are teaching outside their field of expertise, which may negatively impact the effectiveness of ALBD implementation. This study employed a quantitative approach using a survey design. The research instrument was a questionnaire consisting of two main sections: respondents' demographic information and teachers' knowledge of ALBD. A total of 30 Moral Education teachers from secondary schools in the Klang district, Selangor, were selected as respondents. The data were analysed using descriptive and inferential statistics with the aid of SPSS software. The findings revealed that the overall level of teachers' knowledge regarding ALBD was high, and there was a significant difference in knowledge between option and non-option teachers. Accordingly, the study highlights the importance of providing targeted training and guidance for non-option teachers to enhance their knowledge. It is also recommended that option Moral Education teachers serve as mentors to support non-option and novice teachers in ensuring more effective implementation of ALBD-based teaching.

Keywords:

Outdoor Classroom Activities, ALBD Knowledge, Moral Education, Option Teachers And Non-Option Teachers.

Pengenalan

"Moralitas", yang merujuk kepada perwatakan dan tingkah laku seseorang, berasal daripada perkataan Latin *moralis* (Bull, 1996). Menurut Rahim (2019), ajaran agama sering dikaitkan dengan aspek moral kerana ia menyediakan garis panduan berasaskan kepercayaan rohani bagi menentukan tingkah laku yang dianggap sesuai. Di Malaysia, mata pelajaran Pendidikan Moral diperkenalkan khusus untuk murid bukan beragama Islam dengan tujuan membentuk individu yang seimbang dari segi penaakulan, emosi, dan tingkah laku (Vishalache, 2011). Tujuan utama mata pelajaran Pendidikan Moral diperkenalkan di sekolah rendah ialah untuk mengajar murid menjadi individu yang bermoral dan berakhlak mulia. Penekanan utama diberikan

kepada tiga aspek utama iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSM, 2018; Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR, 2019). Selain itu, matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah pula adalah untuk melaksanakan prinsip, membina hubungan dengan persekitaran dan menghasilkan generasi yang berhemah.

Seiring dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani, pelaksanaan Pendidikan Moral perlu bergerak seiring dengan pendekatan pengajaran yang berkesan, bermakna dan kontekstual. Salah satu pendekatan yang semakin diberi perhatian dalam pengajaran Pendidikan Moral ialah Aktiviti Luar Bilik Darjah (ALBD). ALBD telah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada pendekatan pengajaran untuk mengukuhkan ketiga-tiga domain moral iaitu penaakulan, emosi dan perlakuan moral. ALBD merupakan strategi pembelajaran berasaskan pengalaman yang memberi peluang kepada murid untuk mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi dunia sebenar di luar persekitaran bilik darjah, termasuk dalam persekitaran semula jadi (Rickinson et al., 2004). Aktiviti ini membantu murid mengaplikasikan pengetahuan teori kepada situasi praktikal.

Menurut Syed Khalid Syed Idrus (2018), pendekatan ALBD dalam Pendidikan Moral bertujuan untuk memperkukuh dimensi moral dalam kalangan murid, yang merangkumi kesemua aspek dimensi moral. Pendekatan ini dilaksanakan melalui pelbagai bentuk aktiviti seperti simulasi, perbincangan dan projek komuniti yang dirancang untuk membantu murid memahami prinsip serta nilai moral secara lebih kontekstual dan bermakna. Di samping itu, ALBD membolehkan murid mengaplikasikan teori yang telah dipelajari dalam bilik darjah kepada situasi dunia sebenar. Sebagai contoh, murid boleh melibatkan diri dalam aktiviti pemeliharaan alam sekitar atau melaksanakan projek-projek ekologi yang berteraskan nilai moral. Oleh itu, pelaksanaan ALBD dalam Pendidikan Moral bukan sahaja berperanan dalam meningkatkan pemahaman murid terhadap konsep nilai, malah turut menyumbang kepada perkembangan emosi moral serta pengukuhan kemahiran insaniah seperti kerjasama dan kepimpinan.

Guru Pendidikan Moral memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah murid. Mereka bukan sahaja menyampaikan pengetahuan tentang nilai-nilai murni, tetapi turut berfungsi sebagai model teladan yang memperlihatkan penerapan nilai secara praktikal dalam kehidupan seharian. Namun demikian, kajian menunjukkan bahawa murid menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni. Hal ini berpunca daripada kecenderungan guru yang memberi tumpuan utama kepada pencapaian akademik, terutamanya dalam usaha memastikan murid lulus peperiksaan dan menyiapkan silibus dalam tempoh masa yang ditetapkan (Vishalache, 2011). Keadaan ini seterusnya mengakibatkan pelajar kurang berupaya menangani masalah, membuat keputusan, dan melaksanakan penyelesaian secara berkesan. See Tho (2008) turut menyatakan bahawa pendekatan pengajaran guru lebih cenderung menumpukan kepada penghafalan nilai, manakala aspek sosial dan emosi sering diabaikan kerana dianggap kurang signifikan. Nadarajan dan Ganesan (2016) turut menegaskan bahawa kurangnya penekanan terhadap elemen penaakulan moral, perasaan, serta penerapan nilai secara langsung dalam bilik darjah merupakan antara kekangan utama dalam keberkesanan Pendidikan Moral.

Selain itu, guru yang ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran di luar bidang kepakaran mereka adalah isu biasa yang berlaku di dalam sistem pendidikan di Malaysia. Situasi ini turut melibatkan mata pelajaran Pendidikan Moral. Kekurangan guru yang berkecualan dalam opsyen Pendidikan Moral menyebabkan guru daripada bidang lain terpaksa mengajar mata pelajaran tersebut bagi memenuhi keperluan jadual pengajaran di sekolah. Akibatnya, kualiti pengajaran terjejas kerana guru-guru ini tidak memiliki latihan ikhtisas yang sejajar dengan kandungan dan pedagogi mata pelajaran berkenaan (Chew & Zainizam, 2015).

Oleh kerana pendekatan ALBD dalam Pendidikan Moral dilihat mampu memperkukuh dimensi moral dalam kalangan murid, keberkesanan pelaksanaannya bergantung pada tahap pengetahuan guru serta perancangan awal yang teratur dan menyeluruh. Dalam konteks ini, pelaksanaan ALBD yang berkesan amat dipengaruhi oleh beberapa faktor, khususnya pengetahuan dan kepakaran guru. Guru yang mempunyai opsyen dalam bidang Pendidikan Moral kebiasaannya lebih bersedia dari segi penguasaan teori, pendekatan pedagogi, dan kefahaman terhadap nilai-nilai moral. Sebaliknya, guru bukan opsyen berkemungkinan menghadapi cabaran dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran yang selari dengan objektif Pendidikan Moral. Oleh itu, kajian mengenai tahap pengetahuan guru terhadap pendekatan ALBD serta hubungannya dengan latar belakang opsyen pengajaran adalah penting untuk diteroka. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk: (i) mengenal pasti opsyen pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Moral di sekolah menengah, (ii) menentukan tahap pengetahuan tentang ALBD dalam kalangan guru Pendidikan Moral di sekolah menengah, dan (iii) menganalisis perbezaan tahap pengetahuan guru Pendidikan Moral tentang ALBD berdasarkan opsyen pengajaran.

Kajian Literatur

Kompetensi guru memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Ramai pengkaji-pengkaji terdahulu telah memberi tumpuan kepada hubungan antara kompetensi profesional guru dan opsyen pengajaran.

Pengetahuan dan kemahiran merupakan komponen utama dalam pembentukan kompetensi profesional. Dalam konteks pendidikan, Aminudin dan Norfariza (2024) menegaskan bahawa pengetahuan dan kemahiran guru memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan kejayaan sesebuah sekolah sebagai institusi yang membimbing perkembangan murid. Sebagai institusi rujukan, sekolah memerlukan tenaga pengajar yang sentiasa berusaha meningkatkan tahap profesionalisme mereka melalui perancangan yang sistematik dan berterusan. Sehubungan itu, guru harus bersikap proaktif dalam mencari peluang untuk menambah ilmu serta kemahiran, bukan sahaja demi pembangunan sendiri, tetapi juga bagi menjadi sumber inspirasi kepada murid ke arah pencapaian kecemerlangan. Latihan berterusan amat penting kerana ia membantu guru menyesuaikan diri dengan perubahan dalam landskap pendidikan semasa (Lee & Tan, 2019). Kajian mereka menunjukkan bahawa guru yang mengajar di luar bidang pengkhususan sering menghadapi kesukaran dalam penyampaian kandungan, khususnya apabila kurang pendedahan kepada latihan yang relevan. Latihan profesional bukan sahaja memperkukuh pemahaman pedagogi, tetapi turut menyumbang kepada pembinaan keyakinan guru dalam bilik darjah.

UNESCO (2019) melalui laporan globalnya, menekankan kepentingan pemilihan opsyen pengkhususan guru dalam merealisasikan matlamat pendidikan global, khususnya dalam konteks penyediaan pendidikan yang inklusif dan berkualiti. Laporan tersebut menegaskan bahawa guru dengan pengkhususan yang jelas berupaya menyampaikan pengajaran yang lebih

berfokus dan berkesan. Sehubungan itu, pemilihan opsyen berdasarkan minat peribadi didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan pengajaran (Smith, 2020). Beliau turut menjelaskan bahawa minat peribadi bukan sahaja menyumbang kepada kepuasan kerja guru, tetapi juga mempengaruhi interaksi mereka dengan pelajar, perancangan pengajaran, serta keupayaan menangani cabaran dalam bilik darjah.

Kajian oleh Ahmad dan Rahman (2020) mendapati bahawa guru yang melaksanakan pengajaran dalam bidang yang sesuai dengan opsyen mereka menunjukkan keyakinan tinggi, bersifat inovatif, dan mampu menangani cabaran pembelajaran dengan lebih berkesan. Sebaliknya, ketidakpadanan antara bidang pengajaran dan pengkhususan menyebabkan tekanan kerja yang tinggi serta menjejaskan kualiti penyampaian pengajaran. Penemuan ini mengukuhkan dapatan bahawa guru yang mengajar dalam bidang kepakaran mereka cenderung untuk lebih berkesan dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Selain itu, kajian yang sama turut menunjukkan bahawa guru yang berpuas hati dengan opsyen pengkhususan mereka memperlihatkan tahap komitmen dan produktiviti yang lebih tinggi dalam melaksanakan tugas pengajaran. Justeru, adalah disarankan agar institusi pendidikan menyediakan sokongan berterusan kepada guru dalam proses pemilihan serta pengekalan opsyen pengkhususan yang sesuai (Ibrahim, 2017).

Selain itu, beberapa penyelidik turut menumpukan perhatian terhadap kompetensi guru bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran di luar bidang kepakaran mereka. Kekurangan tenaga pengajar dalam bidang tertentu memaksa guru bukan opsyen untuk mengajar subjek yang di luar bidang pengkhususan mereka. Sebagai contoh, kajian oleh Ngan Ping, Anuar Ahmad dan Norasmah Othman (2024) meneliti tahap kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dalam pengajaran subjek tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru bukan opsyen Sejarah adalah pada tahap sederhana tinggi, manakala tahap kemahiran mereka berada pada tahap tinggi. Selain itu, kajian tersebut turut menemukan hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah oleh guru bukan opsyen. Dalam kajian yang lain pula, Banu Ramanan dan Mua'Azam Mohamad (2018) melaporkan bahawa guru luar bidang menghadapi cabaran dalam aspek penyampaian dan komunikasi, yang berpotensi menjejaskan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kajian-kajian ini menekankan keperluan untuk memberikan perhatian terhadap aspek kesediaan guru bukan opsyen dari segi pengetahuan, kemahiran, dan pembangunan profesional secara berterusan bagi menjamin mutu serta kualiti sistem pendidikan.

Secara keseluruhan, dapatan daripada kajian terdahulu menunjukkan bahawa kompetensi guru, khususnya dari segi pengetahuan kandungan mata pelajaran, memainkan peranan penting dalam memastikan kualiti pengajaran yang tinggi. Menurut Zarina Abdul Rashid (2016), pelaksanaan ALBD dalam pengajaran menghadapi beberapa cabaran yang berkaitan dengan aspek pedagogi dan penguasaan pengetahuan kandungan oleh guru. Antara isu utama yang dikenal pasti ialah kesukaran guru dalam mengenal pasti dan membezakan antara kemahiran berfikir kritikal, kreatif dan analitik, memandangkan terdapat pertindanan dalam fungsi kemahiran-kemahiran tersebut semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kesukaran ini dikaitkan dengan beberapa faktor, termasuk kelemahan profesionalisme guru, sikap negatif terhadap perubahan pedagogi, kekeliruan dalam pemilihan strategi pengajaran yang bersesuaian, tahap keyakinan yang rendah, serta kekurangan latihan yang berfokus kepada pengintegrasian elemen ALBD. Di samping itu, kekangan masa dan ketiadaan pemantauan yang berterusan oleh pihak pentadbiran turut dikenal pasti sebagai faktor penghalang kepada

pelaksanaan berkesan pendekatan ini. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka opsyen guru serta tahap pengetahuan mereka terhadap ALBD dalam pengajaran Pendidikan Moral.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Satu set borang soal selidik diedarkan kepada guru Pendidikan Moral sekolah menengah di daerah Klang bagi mengkaji tahap pengetahuan ALBD berdasarkan pada opsyen guru. Dalam kajian ini, borang soal selidik diadaptasi daripada kajian Mohan, et. al. (2024) dan Rahmah Putri Lupis (2020), dan disediakan di dalam Bahasa Melayu. Ia terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi item-item yang berkaitan dengan latar belakang responden, iaitu jantina, umur, pengalaman mengajar dan opsyen guru. Bahagian B pula merangkumi item-item yang bertujuan untuk mengukur tahap pengetahuan guru mengenai ALBD. Terdapat sebanyak 10 item dalam bahagian ini, dan responden diminta untuk menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap setiap pernyataan dengan menggunakan skala Likert. Bagi menjawab borang soal selidik ini, sampel terdiri daripada 30 orang guru Pendidikan Moral di sekolah menengah dan dipilih secara rawak di sekitar daerah Klang, Selangor.

Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian SPSS 29.0. Statistik deskriptif digunakan dari segi kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai dan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Statistik ini digunakan untuk menjelaskan latar belakang responden kajian dan tahap pengetahuan guru mengenai ALBD. Manakala statistik inferensi pula digunakan bagi menganalisis perbezaan tahap pengetahuan guru Pendidikan Moral tentang ALBD berdasarkan opsyen pengajaran. Bagi mengkaji perbezaan ini, ujian-t digunakan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian dan perbincangan mengenai opsyen pengajaran dan pengetahuan guru Pendidikan Moral terhadap ALBD. Bahagian ini mengenal pasti terlebih dahulu demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Seterusnya, ia menghuraikan secara terperinci mengenai opsyen pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Moral, tahap pengetahuan guru Pendidikan Moral mengenai ALBD, dan menganalisis hubungan antara tahap pengetahuan guru Pendidikan Moral tentang ALBD berdasarkan opsyen pengajaran.

Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan bahawa daripada keseluruhan 30 orang responden, seramai 9 orang (30%) merupakan guru lelaki, manakala 21 orang (70%) terdiri daripada guru perempuan. Dari segi tempoh perkhidmatan, majoriti responden iaitu seramai 15 orang (50%) telah berkhidmat sebagai guru selama 11 hingga 15 tahun, diikuti dengan 5 orang (16.7%) telah berkhidmat selama 6 hingga 10 tahun, dan 4 orang (13.3%) telah berkhidmat selama 16 hingga 20 tahun. Manakala bagi 21 tahun ke atas seramai 3 orang (10%) guru berpengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral. Jadual 1 berikut menunjukkan dapatan terperinci demografi responden yang terlibat di dalam kajian ini.

Jadual 1. Demografi responden

Demografi		Frekuensi (N=30)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	9	30
	Perempuan	21	70
Pengalaman Mengajar Pendidikan Moral	1 - 5 tahun	3	10
	6 - 10 tahun	5	16.7
	11 - 15 tahun	15	50
	16 - 20 tahun	4	13.3
	21 tahun ke atas	3	10

Opsyen Guru

Guru opsyen merujuk kepada individu yang mempunyai kelayakan formal dan latihan profesional dalam bidang atau mata pelajaran yang diajar. Mereka telah mengikuti program pengajian yang relevan sama ada di peringkat diploma atau ijazah, serta memiliki pemahaman yang mendalam terhadap kurikulum dan pedagogi berkaitan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Sebaliknya, guru bukan opsyen merujuk kepada mereka yang mengajar mata pelajaran di luar bidang kepakaran atau tanpa latihan formal yang khusus dalam bidang tersebut. Situasi ini lazimnya berlaku akibat kekurangan guru opsyen atau disebabkan oleh keperluan sekolah untuk memenuhi tuntutan jadual pengajaran (Abdul Rahman, 2018; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada keseluruhan 30 orang responden, seramai 20 orang (66.7%) merupakan guru opsyen Pendidikan Moral, manakala 10 orang (33.3%) terdiri daripada guru bukan opsyen.

Jadual 2: Opsyen Guru

Opsyen	Frekuensi (N=30)	Peratus (%)
Pendidikan Moral	20	66.7
Bukan Pendidikan Moral	10	33.3

Tahap pengetahuan Guru Pendidikan Moral terhadap ALBD

Bahagian ini membincangkan tahap pengetahuan guru terhadap ALBD. Pengetahuan yang mendalam mengenai ALBD membolehkan guru merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran yang berkesan serta memanfaatkan sepenuhnya potensi persekitaran luar bilik darjah sebagai ruang pembelajaran yang holistik. Dalam konteks ini, guru perlu memahami

bukan sahaja teori dan prinsip yang mendasari pelaksanaan ALBD, tetapi juga pendekatan terbaik untuk mengaplikasikan pembelajaran berasaskan pengalaman bagi memperkukuh pemahaman pelajar terhadap konsep-konsep yang dipelajari (Bridgeland et al., 2009). Di samping itu, pengetahuan guru berkaitan aspek keselamatan dan perancangan logistik turut memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan ALBD berjalan dengan lancar, selamat dan teratur (Caldwell & Killion, 2012). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pengetahuan guru merupakan asas yang paling utama dalam menjamin keberkesanan pelaksanaan ALBD.

Bagi mengenal pasti tahap pengetahuan guru Pendidikan Moral terhadap pendekatan ALBD, responden telah diminta untuk menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap setiap pernyataan yang dikemukakan melalui penggunaan skala Likert lima tahap. Skala ini merangkumi tahap Sangat Tidak Setuju (STS) yang menunjukkan ketiadaan pengetahuan langsung tentang ALBD dalam kalangan guru. Tahap Tidak Setuju (TS) pula merujuk kepada guru yang tidak mempunyai pengetahuan mendalam, namun mungkin pernah mendengar tentang pendekatan ini sama ada melalui guru panitia atau sumber-sumber lain yang tidak formal. Seterusnya, tahap Kurang Setuju (KS) menunjukkan guru mempunyai pengetahuan asas atau minimum tentang ALBD. Tahap Setuju (S) pula menggambarkan bahawa guru mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana berkenaan perkara yang ditanyakan berkaitan ALBD. Akhir sekali, tahap Sangat Setuju (SS) menandakan bahawa guru memiliki pengetahuan yang tinggi dan kukuh terhadap pernyataan yang dikemukakan dalam soal selidik berkaitan pendekatan tersebut. Skala ini bertujuan memberikan gambaran yang lebih terperinci mengenai variasi tahap kefahaman guru terhadap konsep ALBD, sekali gus membantu dalam analisis data secara lebih sistematik dan bermakna.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden secara umumnya bersetuju dengan peranan dan kepentingan ALBD dalam Pendidikan Moral. Nilai purata bagi kebanyakan item adalah tinggi, memperlihatkan persepsi yang positif terhadap pelaksanaan ALBD dalam mata pelajaran ini. Majoriti responden bersetuju bahawa ALBD dalam Pendidikan Moral merupakan satu bentuk aktiviti pembelajaran berasaskan projek, seperti yang ditunjukkan dalam item 1, dengan nilai min sebanyak 4.40 dan sisihan piawai 0.814. Selain itu, hampir semua responden turut bersetuju bahawa pelaksanaan ALBD perlu dirancang dan disesuaikan dengan mengambil kira persekitaran serta keperluan murid, seperti yang ditunjukkan dalam item 9, yang mencatatkan nilai min 4.57 dan sisihan piawai 0.504.

Namun demikian, dari segi pengintegrasian ALBD dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral, majoriti responden berpandangan bahawa ALBD sesuai dan selaras dengan kehendak DSKP, seperti yang ditunjukkan oleh skor min sebanyak 4.57 dan sisihan piawai 0.504 bagi item 3. Begitu juga bagi item 4, yang menilai keberkesanan ALBD dalam mengaplikasikan ketiga-tiga domain moral dalam proses pengajaran dan pembelajaran, turut mencatatkan skor min yang sama iaitu 4.57 dengan sisihan piawai 0.504.

Selain itu, terdapat persetujuan yang tinggi dalam kalangan responden terhadap peranan ALBD dalam mendidik murid agar berfikir sebelum bertindak (item 6), serta dalam melatih mereka menjadi individu yang bermoral dan berakhlak mulia (item 5). Kedua-dua item ini menunjukkan tahap penerimaan yang tinggi, masing-masing dengan skor min 4.53 dan 4.57.

Terdapat beberapa item dalam kajian menunjukkan dapatan yang signifikan. Item 7, yang merujuk kepada keperluan untuk merekodkan ALBD dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH), mencatatkan skor min sebanyak 4.47 dengan sisihan piawai 0.571. Bagi item 8, yang menilai jumlah masa yang diperlukan untuk melaksanakan ALBD, skor min yang diperoleh adalah 4.00 dengan sisihan piawai 1.12. Nilai sisihan piawai yang tinggi ini menunjukkan terdapat variasi pendapat dalam kalangan responden, termasuk kemungkinan terdapat seorang guru yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, berkemungkinan disebabkan oleh perbezaan pengalaman atau persepsi individu.

Item terakhir, iaitu item 10 yang berkaitan dengan kemahiran guru dalam melaksanakan ALBD mengikut aktiviti pengajaran yang dipilih, menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi, dengan skor min sebanyak 4.60 dan sisihan piawai 0.498. Secara keseluruhannya, data ini mencerminkan tahap kesepakatan yang tinggi dalam kalangan responden berkaitan kesesuaian pelaksanaan ALBD dalam pengajaran Pendidikan Moral. Penekanan diberikan kepada kepentingan perancangan rapi, penguasaan kemahiran oleh guru, serta keupayaan menyesuaikan pendekatan dengan keperluan murid bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan. Dapatan ini diperincikan dalam Jadual 3, yang menunjukkan dapatan berkaitan pengetahuan guru terhadap ALBD.

Jadual 3: Pengetahuan Guru Pendidikan Moral terhadap ALBD

No	Item	Skala Jawapan (N=30)					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	KS	S	SS		
1	ALBD dalam Pendidikan Moral merupakan pembelajaran berasaskan projek.	0	1	3	9	17	4.40	0.814
2	ALBD dalam Pendidikan Moral merupakan pembelajaran melalui aktiviti khidmat masyarakat.	0	0	2	13	15	4.43	0.626
3	ALBD merupakan aktiviti pembelajaran yang sesuai dan selaras dengan kehendak Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral.	0	0	0	2	28	4.57	0.504
4	ALBD dilaksanakan untuk mengaplikasikan ketiga-tiga domain moral secara seimbang dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral.	0	0	0	13	17	4.57	0.504
5	ALBD dapat mendidik murid menjadi insan yang bermoral dan	0	0	1	12	17	4.53	0.571

	berakhlak mulia melalui penerapan ketiga-tiga domain moral.							
6	ALBD dalam Pendidikan Moral bertujuan melatih murid untuk berfikir sebelum bertindak.	0	0	0	13	17	4.57	0.504
7	ALBD perlu direkodkan dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH).	0	0	1	14	15	4.47	0.571
8	ALBD perlu dilaksanakan 32jam dalam setahun.	1	2	6	8	13	4.00	1.114
9	ALBD perlu dirancang dan dilaksanakan bersesuaian dengan persekitaran dan keperluan murid.	0	0	0	13	17	4.57	0.504
10	Guru Pendidikan Moral perlu mempunyai kemahiran untuk melaksanakan ALBD mengikut aktiviti pengajaran yang dipilih.	0	0	0	12	18	4.60	0.498

Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Moral Tentang ALBD Berdasarkan Opsyen Pengajaran

Kajian ini turut menganalisis perbezaan tahap pengetahuan guru Pendidikan Moral mengenai ALBD berdasarkan opsyen pengajaran, dengan menggunakan ujian-t sebagai kaedah analisis statistik. Dapatan analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru opsyen dan bukan opsyen terhadap pendekatan ALBD. Guru opsyen, iaitu mereka yang mempunyai latar belakang pengkhususan dalam Pendidikan Moral, mencatatkan skor purata pengetahuan sebanyak 28.6, manakala guru bukan opsyen mencatatkan skor purata sebanyak 23.6.

Jadual 4: Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Moral terhadap ALBD berdasarkan Opsyen Guru

Opsyen	Min
Pendidikan Moral	28.6
Bukan Pendidikan Moral	23.6

Jadual 4 memperlihatkan hasil analisis ujian-t yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan antara guru opsyen dan guru bukan opsyen ($t = 4.79$, $p = 0.00005$). Dapatan ini menjelaskan bahawa guru opsyen mempunyai pemahaman yang lebih

mendalam terhadap pendekatan ALBD berbanding guru bukan opsyen dalam konteks pengajaran Pendidikan Moral. Ini menunjukkan bahawa perbezaan tahap pengetahuan dalam pelaksanaan ALBD antara guru opsyen dan guru bukan opsyen berkemungkinan besar dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan formal yang dimiliki oleh guru opsyen. Pendidikan formal tersebut merangkumi pendedahan kepada konsep-konsep asas serta strategi pelaksanaan ALBD. Sebaliknya, guru bukan opsyen yang berkemungkinan tidak menerima latihan khusus dalam bidang Pendidikan Moral cenderung menunjukkan tahap pengetahuan yang lebih rendah, yang seterusnya boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan ALBD di peringkat sekolah.

Dapatan kajian ini selari dengan penemuan Zarina Abdul Rashid (2016) yang mendapati bahawa kekurangan pengetahuan pedagogi dalam kalangan guru bukan opsyen sebagai cabaran utama dalam pelaksanaan ALBD. Kekangan ini secara langsung menjejaskan keberkesanan pengajaran mereka. Kajian oleh Chew dan Zainizam (2015) juga turut melaporkan bahawa guru bukan opsyen menghadapi kesukaran dalam memahami kurikulum dan pedagogi mata pelajaran yang diajar, sekali gus menjejaskan keyakinan mereka untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran berasaskan pengalaman seperti ALBD. Secara tidak langsung, dapatan ini menyokong kajian Long, C.S. et al. (2014) bahawa terdapat hubungan positif antara tahap pengetahuan guru dan keberkesanan pelaksanaan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Oleh itu, usaha berterusan perlu digiatkan bagi memastikan guru Pendidikan Moral dibekalkan dengan pengetahuan yang mencukupi untuk melaksanakan ALBD dengan berkesan, sekali gus meningkatkan kualiti pengajaran mata pelajaran ini.

Mansor dan Jamaludin (2024) menegaskan kepentingan latihan profesional berterusan dalam usaha meningkatkan kompetensi pengajaran dalam kalangan guru. Mereka mencadangkan pelaksanaan program latihan yang lebih sistematik, seperti kursus intensif dan bimbingan mentor, bagi membantu guru bukan opsyen menguasai strategi pengajaran yang lebih berkesan. Selaras dengan pandangan tersebut, Mohd Qhairil et al. (2018) turut menekankan keperluan menyediakan sokongan berbentuk latihan, bengkel, dan kursus profesional bagi memperkukuh pengetahuan guru bukan opsyen terhadap pelaksanaan ALBD. Di samping itu, guru opsyen disarankan untuk memainkan peranan sebagai mentor dalam membimbing guru bukan opsyen agar mereka dapat memahami dan melaksanakan ALBD dengan lebih berkesan.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan ALBD adalah tinggi, khususnya dalam kalangan guru yang mempunyai opsyen pengajaran Pendidikan Moral. Walau bagaimanapun, perbezaan yang signifikan antara guru opsyen dan bukan opsyen terhadap pengetahuan tentang ALBD menunjukkan keperluan bagi penyediaan latihan serta bimbingan yang lebih komprehensif kepada guru bukan opsyen bagi meningkatkan tahap pengetahuan mereka mengenai ALBD, sekali gus menyokong pelaksanaan yang lebih berkesan. Sokongan ini boleh diberikan melalui penyediaan latihan, bengkel, dan kursus pembangunan profesional yang sistematik dan berterusan. Di samping itu, guru opsyen boleh memainkan peranan sebagai mentor dengan membimbing guru bukan opsyen dalam memahami serta melaksanakan ALBD secara berkesan. Pendekatan kolaboratif ini diyakini dapat meningkatkan pelaksanaan ALBD secara menyeluruh dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan holistik murid, selaras dengan matlamat Pendidikan Moral. Sehubungan itu, pihak berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah, dan guru Pendidikan Moral sendiri disarankan untuk bekerjasama dalam merangka dan melaksanakan program latihan yang lebih bersesuaian

dan sistematis bagi meningkatkan kompetensi guru dalam pelaksanaan ALBD. Penekanan yang lebih menyeluruh terhadap pendekatan ini dijangka dapat memperkaya pengalaman pembelajaran murid, menjadikannya lebih bermakna dan selari dengan konteks dunia sebenar. Di samping itu, pendekatan ini turut berpotensi memperkukuh pemahaman murid terhadap nilai-nilai moral, seterusnya membentuk mereka sebagai individu yang bertanggungjawab dan berdaya saing dalam masyarakat.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuhan Yang Maha Esa yang telah memberikan saya kekuatan, kebijaksanaan, dan petunjuk dalam menjalankan kajian ini. Dengan rahmat-Nya, saya mampu menghadapi segala cabaran dan menyelesaikan kajian ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Dr. Marshelayanti Binti Mohamad Razali selaku penyelia saya yang tidak jemu membimbing, memberi semangat untuk saya menyiapkan disertasi ini. Teguran membina dan nasihat yang berguna amat diperlukan untuk penambahbaikan pada masa akan datang. Tidak lupa, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga saya, terutama suami Jaya Brabu a/l Balasubramaniam atas sokongan, kasih sayang, dan pengorbanan yang tiada henti sepanjang tempoh penyelidikan ini. Buat anakanda tersayang Haarshan a/l Jaya Brabu dan Aarshinni a/p Jaya Brabu yang memahami kesibukan sepanjang pengajian ini. Untuk ibu Pn Malikka a/p Malayan dan ayah En Munandy a/l Krishnasamy yang sentiasa bagi sokongan dan doa. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada adik beradik saya, rakan-rakan dan pihak yang telah memberikan sokongan moral dan praktikal dalam merealisasikan kajian ini.

Rujukan

- AF, M. A., Nurfadilah, K., & Hilman, C. (2022). Pendidikan Luar Sekolah dalam Kerangka Pendidikan Sepanjang Hayat. *Jurnal Inovasi, Evaluasi Dan Pengembangan Pembelajaran (JIEPP)*, 2(2), 90–95.
- Bridgeland, J. M., DiIulio, J. J., & Balfanz, R. (2009). On the front lines of schools: Perspectives of teachers and principals on the high school dropout problem. *Civic Enterprises*.
- Bull, N. J. (1996). *Moral education*. Sage Publications.
- Cohen, D. K., Raudenbush, S. W., & Ball, D. L. (2003). Resources, instruction, and Research. *Educational evaluation and policy analysis*, 25(2), 119-142.
- Cohen, L., & Manion, L. (1994). *Research Methods in Education*. (4th Edition). London: Routledge.
- Creswell, J.W. (2014). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (3rd Ed). Essex: Pearson Education.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSM, 2018: Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSM*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR, 2019: Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Idrus, S. K. S. (2018). *Penilaian Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Matematik di Institut Pendidikan Guru Malaysia Zon Utara*.
- Hammerman, D. R., Hammerman, W. M., & Hammerman, E. L. (1985). *Teaching in the outdoors*. Danville, IL: Interstate Printers & Publisher.

- Hashim, A., & Radzi, N. M. (2024). Pembangunan profesionalisme dan kepemimpinan guru sekolah kebangsaan di daerah Pekan, Pahang. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 11(2), 20-34.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1996). Peraturan-peraturan Kurikulum Kebangsaan. *Akta Pendidikan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016a). Buku Penerangan KSSM. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia, Bil. 4 Tahun 2016.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Standard Guru Malaysia 2.0. Putrajaya, Malaysia.
- Mansor, Aminudin; Jamaludin, Khairul Azhar.(2024). Hubungan Antara Pengetahuan Dan Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Semakan 2017 dari Perspektif Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, [S.l.], v. 6, n. 1, p. 68-81, mar. ISSN 2682-826X.
- Mohan, K., Ahmad, A., & Othman, N. (2024). Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Luar Bilik Darjah dalam Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1), E002652.
- Ong Sze Chong, Z. M. & H. Y., & Ong. S. C., Zamri Mahamod., & H. Y. (2013). Faktor Jantina, kaum, aliran kelas dan hubungannya dengan kecerdasan emosi murid dalam Mempelajari Bahasa Melayu. *Journal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol 3;1, 3(Mei), 12-23.
- Piang, T. B., Wahid, R., & Jamil, Z. (2015). Peranan Guru dalam Membina Iklim Moral dalam Bilik Darjah: The Role of Teachers in Creating Classroom Moral Atmosphere. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(3), 87-95.
- Rahim, M. D. H. (2019). The use of stories as moral education for young children. *International Journal of Social Science and Humanity*, 2(6), 454-457
- Rickinson, M., Dillon, J., Teamey, K., Morris, M., Choi, M. Y., Sanders, D., & Benefield, P. (2004). A review of research on outdoor learning. National Foundation for Educational Research and King's College London
- Siti Salwa Manap. Pengajaran Guru Opsyen Dan Bukan Opsyen Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Rendah Di Batu Pahat. Disertasi Sarjana. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia; 2014.
- (SPI Bil. 5 Tahun 2022 Pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru Bagi Sekolah Bawah KPM.Pdf, n.d.) SPI Bil. 5 Tahun 2022 Pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru Bagi Sekolah Bawah KPM.pdf. (n.d.).
- Syed Ali, S. J. (2014). Kompetensi guru dalam pengajaran amali teknologi pembinaan di kolej vokasional (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Subramaniam, A. K. (2021). Pengaruh Kompetensi, Pengalaman, dan Kelayakan Guru Terhadap Pencapaian Sekolah Dalam Subjek Pengajian Perniagaan Tingkatan Enam. Universiti Utara Malaysia.
- Vasyagina N. N. & Bratchikova, Y. V. (2012). Formation process management of professional competences of the psychologist (from the experience of the Institute of psychology,

- Ural State Pedagogical University): conference material. Ekaterinburg: Ural State Pedagogical University.
- Verasamy, V. M., & Balakrishnan, V. (2020). Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral di Malaysia: Satu Pengenalan. *Mimbar Pendidikan*, 5(2), 131–142.
- Yew Pei Jia & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2019). A Systematic Review : Competence of Teachers in Implementation of Culturally Responsive Pedagogy 3118–3130. doi:10.4236/ce.2019.1012236.
- Zarina Abdul Rashid. (2016). Tahap Kesiapan Guru Dalam Aspek Pengetahuan Dan Keperluan Latihan Berfokuskan Aplikasi KBAT. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional & Teknologi). Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.